



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KOHESI NAHUAN DAN LEKSIKAL DALAM NOVEL 'ILATCHIA
PAYANAM'***

GANESAN A/L SUBRAMONIAN

FBMK 2015 10



**KOHESI NAHUAN DAN LEKSIKAL DALAM NOVEL '*ILATCHIA
PAYANAM*'**

Oleh

GANESAN A/L SUBRAMONIAN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

April 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan kemersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

*Jutaan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga daripada hati ini
buat insan teristimewa dalam hidupku ini:*

Isteri dan ibu bapa tercinta,

Nirmala A/P Annamalai

&

Subramonian A/L Subramonian

Annamah A/P Gurusamy

Keluargaku tersayang

Pensyarah yang dihormati

Rakan seperjuangan yang sentiasa dihati

Terima kasih sekali lagi diucapkan atas segala-galanya

© COPYRIGHT UPM



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera

KOHESI NAHUAN DAN LEKSIKAL DALAM NOVEL '*ILATCHIA PAYANAM*'

Oleh

GANESAN A/L SUBRAMONIAN

April 2015

Pengerusi : Profesor Madya Paramasivam a/l Muthusamy, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kewujudan konsep kohesi secara teori dan pengaplikasian dalam wacana penulisan Tamil dengan menjadikan sebuah novel teks sastera Tamil yang berjudul *Ilatchiya Payanam* oleh I.Ilavazhu sebagai data kajian. Pembaca mengalami kesukaran untuk memahami maksud penulis tanpa kehadiran wacana kohesi dalam sesebuah teks novel. Oleh itu, penulis novel harus memastikan bahawa novel yang dikarang itu mempunyai teks yang kohesif untuk memudahkan pembaca memahami sesuatu fakta dalam teks itu dengan jelas. Dengan mengaplikasikan model kohesi yang dikemukakan oleh M.A.K Halliday (1976), kajian ini menghuraikan konsep wacana yang merupakan bahasa yang paling tinggi atau penggunaan bahasa dalam konteks situasi yang sebenar. Analisis kohesi dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Kohesi nahuan dibahagikan kepada beberapa jenis kohesi yang utama, iaitu rujukan, elipsis, substitusi, dan konjungsi. Seterusnya, kohesi leksikal dibahagikan kepada sinonim, antonim, superorninat, hiponim dan kolokasi. Penganalisan dan tafsiran terhadap 34 bab dalam novel data yang dipilih dengan mengenal pasti, menganalisis kekerapan dan menghuraikan jenis kohesi nahuan/gramatikal dan leksikal. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan beberapa kaedah seperti kaedah kepustakaan, analisis teks dan aplikasi teori. Kajian ini dibataskan kepada analisis novel *Ilatchia Payanam*. Kajian ini penting untuk menjadi landasan kepada para penulis novel tempatan, pengarang novel, guru kesusasteraan Tamil dan persatuan sastera Tamil dalam penghasilan ciri kewacanaan yang utuh dalam penulisan novel cerpen, akhbar, tulisan ilmiah, dan sebagainya. Hasil kajian, penemuan pelbagai alat kohesi daripada jenis kohesi nahuan dan leksikal dalam menentukan ketekstualan dan ciri kewacanaan novel *Ilatchia Payanam* ini. Penggunaan kohesi nahuan dalam kajian ini adalah lebih tinggi daripada kohesi leksikal dan sekali gus membentuk keutuhan dan kesepaduan dalam teks novel ini.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

LEXICAL AND GRAMMATICAL COHESION IN THE NOVEL '*ILATCHIA PAYANAM*'

By

GANESAN A/L SUBRAMONIAN

April 2015

Pengerusi : Professor Madya Paramasivam a/l Muthusamy, PhD
Fakulti : Modern Language and Communication

This study aim to study concept's of cohesion existence theoretically and application in Tamil writing discourse by making a Tamil literature novel entitled *Ilatchia Payanam* by I.Ilavalazhu as data study. The problem statement is have difficulty understanding the meaning of the author if the absence of a text passage in the novel cohesion . Thus, a writer or a novelist must make sure that it is a novel authored a cohesive text to make it easier for readers to understand a fact in clear text. By applying, the cohesion model that was introduced by M.A.K Halliday and Ruqaiya Hasan (1976). This study also describe the concept of discourse which may be interpreted as the largest linguistic form or the actual use of the language in the context of its situation. Analysis cohesion in this study divided into two main divisions: grammatical cohesion and lexical cohesion. Grammatical cohesion divided into several categories of cohesion type which are he reference, ellipsis, substitution and conjunction. Hereafter lexical cohesion divided into repetition, synonym, antonym, superordinate, hyponym and collocation. Analysis and interpretation on 34 chapters in novel chosen in order to identifying, analysis frequency and describe cohesion types of grammatical and lexical. This study carried out by using some methods like library research, textual analysis or content and theory application. The cardinal findings of the cohesion analysis demonstrates that there are many cohesive devices from grammatical and lexical cohesion determine texture and discourse features in this Tamil novel *Ilatchia Payanam*. The conclusion that the use of grammatical cohesion is higher and dominant from the use of lexical cohesion in shaping the coherence and integrity of the novel text *Ilatchia Payanam*.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya bersyukur kepada Tuhan yang maha kuasa atas limpah berkat-Nya atas penyempurnaan tesis ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Paramasivam Muthusamy dan Profesor Madya Dr. Abdul Rashid Daing Melebek atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar tidak terhingga sepanjang proses penulisan tesis ini. Sokongan dan dorongan yang bermotivasi yang diberikan amat bererti kepada saya dalam meneruskan kajian lain pada masa akan datang.

Saya juga terhutang budi kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi atas pengorbanan masa dan tenaga yang disumbangkan kepada saya ketika menuntut ilmu.

Tidak lupa juga penghargaan yang tidak terhingga terhadap jasa kedua-dua ibu bapa saya yang tersayang yang sentiasa mencurahkan kasih sayang yang tidak terhingga dan sentiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa juga isteri kesayangan saya yang sentiasa memberi dorongan kepada saya menamatkan pengajian master dengan jayanya. Akhirnya, tidak juga dilupakan rakan yang sedang mengikuti pengajian master dan PhD di Universiti Putra Malaysia yang turut sama memberikan dorongan dan galakan serta semua pihak yang turut terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan kajian saya dengan sempurna.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 28 April 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Ganesan A/L Subramonian untuk menilai tesis beliau yang bertajuk “Elemen Kohesi Nahan dan Leksikal dalam Novel Ilatchia Payanam” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti yang berikut:

Che Ibrahim b Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Univeriti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Viyayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Univeriti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Thilagavathi a/l Shanmuganathan, PhD

Fakulti Bahasa dan Lingusitik
Univeriti Malaya
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Univeriti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti yang berikut:

Paramasivam a/l Muthusamy, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Professor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan Jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik dan intelek dan hak cipta tesis ini ialah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia(Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia(Penyelidikan 2012);
- tiada plagiat atau pemalsuan, fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Subramaniam a/l Krishnan (GS33631)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan ami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan :

Profesor Madya Dr. Paramasivam a/l Muthusamy

Tandatangan : _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan :

Profesor Madya Dr. Abdul Rashid Daing Melebek

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
TRANSLITERASI TAMIL	xiii
CARTA ORGANISASI KOHESI NAHUAN DAN LEKSIKAL	xiv
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Latar Belakang Kajian	2
Latar Belakang Perkembangan Sejarah	3
Novel Tempatan	
Sejarah Penulisan Novel Ilatchia Payanam	4
Pernyataan Masalah	4
Persoalan Kajian	7
Objektif Kajian	7
Kepentingan Kajian	7
Batasan Kajian	8
Definisi Operasional	9
Wacana	9
Pengertian Wacana	11
Kohesi	11
Kohesi Nahuan	13
Kohesi Leksikal	13
Definisi Novel	14
II SOROTAN KAJIAN	16
Pengenalan	16
Analisis Wacana	16
Analisis Wacana di Luar Negara	17
Perkembangan Analisis Wacana di Malaysia	19
Kajian Kohesi dalam Bahasa Tamil	21
Teks	26
Keutuhan Wacana	28
Kohesi	29
Kohesi Nahuan/Gramatikal	30
Rujukan	31
Konjungsi	35
Penggantian/Substitusi	37
Elipsis	39

	Kohesi Leksikal	43
	Kohesi Leksikal Reiterasi	43
	Kohesi Leksikal Kolokasi	46
III	METODOLOGI KAJIAN	47
	Reka Bentuk Kajian	47
	Pemilihan Sampel	47
	Konsep Teori	48
	Teori Halliday dan Hasan (1976)	48
	Kajian Kepustakaan	50
	Alat Kajian	50
	Kajian Analisis Teks/Data	51
	Pemilihan Penyelidikan Kualitatif	51
	Teknik Pengumpulan Data	52
	Pembacaan Teks/Data	53
	Pemilihan Data	54
	Pembahagian Data Mengikut Wacana Kohesi	54
	Proses Pengumpulan Data	54
	Penentuan Jenis Kohesi dalam Novel Ilatchia Payanam	55
	Proses Menganalisis Keperluan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal	55
	Proses Penentuan Bilangan Jenis Kohesi dan Penghuraianya	55
IV	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	56
	Pengenalan	56
	Pembahagian Kohesi	56
	Kenal Pasti Kohesi Nahuan dan Leksikal	57
	Kohesi Nahuan	57
	Kohesi Rujukan	57
	Kohesi Nahuan Penggantian	62
	Kohesi Nahuan Konjungsi	64
	Kohesi Nahuan Elipsis	67
	Kohesi Leksikal	69
	Kohesi Leksikal Reiterasi	69
	Kohesi Leksikal kolokasi	69
	Keperluan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal dalam Novel Ilatchia Payanam	71
	Keperluan Penggunaan Kohesi Nahuan	72
	Keperluan Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan	72
	Keperluan Kohesi Nahuan Penggantian	73
	Keperluan Kohesi Nahuan Konjungsi	73
	Keperluan Penggunaan Kohesi Elipsis	74
	Keperluan Penggunaan Kohesi Leksikal	75
	Keperluan Penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi	75
	Keperluan Penggunaan Kohesi Leksikal Kolokasi	76
	Penghuraian Jenis Kohesi Nahuan dalam Novel Ilatchia Payanam	77
	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Rujukan	84
	Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Penggantian /Substitusi	84

Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Konjungsi	86
Contoh Analisis Jenis Kohesi Nahuan Elipsis	88
Penghuraian Jenis Kohesi leksikal dalam Novel Ilatchia Payanam	90
Contoh Analisis Jenis Kohesi Leksikal(Reiterasi)	90
Contoh Analisis Jenis Kohesi Leksikal(Kolokasii)	97
V KESIMPULAN DAN CADANGAN	99
Pengenalan	99
Rumusan Hasil Dapatan Kajian	99
Bilangan Penggunaan Jenis Kohesi Nahuan dan Leksikal Secara Keseluruhan	99
Perbezaan Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan dan Leksikal Secara Keseluruhan	104
Huraian Jenis Kohesi Nahuan dan Leksikal Berserta Contoh Petikan Daripada Teks	105
Implikasi kajian	107
Cadangan Kajian Lanjutan	107
BIBLIOGRAFI	109
LAMPIRAN	118
A (Alat Kajian- Senarai Semak Jenis Kohesi Nahuan dan Leksikal)	119
BIODATA PELAJAR	120

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Senarai Semak Bilangan Kohesi dan Jenis Kohesi	50
4.1	Ganti Nama Diri Pertama	58
4.2	Ganti Nama Diri Kedua	58
4.3	Ganti Nama Diri Ketiga	59
4.4	Nahuan Rujukan Ganti Nama Demonstratif	60
4.5	Pengenalpastian Jenis Kohesi Rujukan dalam Ilatchia Payanam	61
4.6	Kohesi Nahuan Penggantian dalam Bahasa Tamil	62
4.7	Pengenalpastian Jenis Kohesi Nahuan Penggantian atau Substitusi	63
4.8	Konjungsi dalam Bahasa Tamil	64
4.9	Pengenalpastian Jenis Kohesi Konjungsi	66
4.10	Elipsis dalam Bahasa Tamil	67
4.11	Pengenalpastian Jenis Kohesi Elipsis	68
4.12	Reiterasi dalam Bahasa Tamil	69
4.13	Pengenalpastian Jenis Kohesi Leksikal	70
4.14	Kekerapan Penggunaan kohesi Nahuan dan Leksikal Secara Keseluruhan	71
4.15	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan	72
4.16	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan	72
4.17	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Penggantian	73
4.18	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi	74
4.19	Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis	74
4.20	Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal	75
4.21	Kekerapan Penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi	76
4.22	Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan Anafora	77
4.23	Penggunaan Kohesi Nahuan rujukan Katafora	79
4.24	Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan Personal	80
4.25	Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan Demonstratif	81
4.26	Penggunaan Kohesi Nahuan Rujukan Komparatif	83
4.27	Penggunaan Kohesi Nahuan Penggantian Atau Substitusi	84
4.28	Penggunaan Kohesi Nahuan Konjungsi Jenis aktif, Adversatif, Klausa dan Temporal	86
4.29	Penggunaan Kohesi Nahuan Elipsis Jenis Nominal, Verbal dan Kausal	89
4.30	Penggunaan Reiterasi Kata Sama Tepat	90
4.31	Penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi(Sinonim)	92
4.32	Penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi(Antonim)	94
4.33	Penggunaan Kohesi Leksikal Reiterasi(Superordinat)[Potuppeyar]	96
4.34	Penggunaan Kohesi Leksikal Kolokasi.	97

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Hierarki Satuan Bahasa	10
1.2	(Wacana)	10
2.1	Persamaan dalam Sarana Kohesi Bahasa Tamil	25
2.2	Tujuh Darjah Tekstualiti	27
2.3	Jenis Kohesi Rujukan	31
2.4	Jenis Kohesi Substitusi	38
2.5	Jenis Kohesi Elipsis	40
3.1	Kerangka Konsepsi Kajian	49



SENARAI FONEM TAMIL DENGAN GRAFEMNYA

Vokal


a	-	அ
a:	-	ஆ
i	-	இ
I:	-	ஈ
u	-	உ
u:	-	ஊ
e	-	எ
e:	-	ஏ
ai	-	ஐ
o	-	ஓ
o:	-	ஔ
au	-	ஔ

Konsonan

k	-	க்	y	-	ய்	ṅ	-	ங்
c	-	ச்	r	-	ர்	ṅ	-	ஞ்
ʈ	-	ட்	l	-	ல்	ṅ	-	ண்
t	-	த்	v	-	வ்	n	-	ந்
p	-	ப்	ɻ	-	ழ்	m	-	ம்
ɻ	-	ற்	!	-	ள்	ṅ	-	ண்

Sumber:Agesthiolingom, Tamil Mozli Amaipiyal,(2002)

CARTA ORGANISASI WACANA KOHESI NAHUAN DAN LEKSIKAL



- Petunjuk:
- A = Anafora
 - K = Katafora
 - D = Demonstratif
 - K = Komparatif
 - N = Nahuan
 - V = Verbal
 - K = Klausa
 - A = Aditif
 - A = Adversatif
 - K = Klausa
 - T = Temporal
 - N = Nominal
 - V = Verbal
 - K = Klausa
 - ST= Sama Tepat
 - S = Sinonim
 - A= Antonim
 - S = Superordinat
 - K= Kolokasi

Ciri-ciri wacana yang dikaji dalam novel *Ilatchia Payanam* berdasarkan teori Halliday dan Hasan (1976)



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Wacana didefinisikan sebagai unit tertinggi bahasa yang melebihi batas ayat dan dapat dihasilkan dalam pelbagai bentuk sehingga melingkungi peristiwa bahasa. Terdapat dua jenis wacana, iaitu wacana lisan dan tulisan yang menjadi fokus dalam ilmu wacana.

Umumnya, media lisan sering menjadi wahana wacana lisan kerana memerlukan hubungan antara penutur dengan pendengar, diikuti wacana tulisan pula disampaikan secara bertulis mempunyai kaitan antara pengarang dengan pembaca. Setiap hasil wacana yang berjaya ditulis memiliki penanda yang juga dikenali sebagai penanda wacana dan mempunyai fungsi penanda wacana sebagai tambahan, urutan, pernyataan semula, untuk menunjukkan sebab, kesan waktu dan tempat, berfungsi untuk membuat bandingan dan rumusan sesuatu wacana. Penanda wacana sangat diperlukan kerana semua kandungan wacana tidak mempunyai kesatuan dan perpautan yang lengkap akan berlaku tanpa adanya penanda wacana yang tepat. Justeru, penanda dalam bahasa Melayu terdiri daripada penanda leksikal, rujukan, penghubung, penggantian, dan penanda elipsis.

Rokhanah Qudus (2006), mengatakan bahawa memahami keseluruhan isi dalam suatu wacana dengan baik dan tepat tidaklah mudah, memerlukan pengetahuan kebahasaan yang luas. Bahkan langkah untuk memahaminya boleh dilakukan dengan analisis wacana melalui unsur kohesi. Dengan kohesi, cara proposisi yang mempunyai saling kaitan ini untuk membentuk suatu keutuhan wacana dapat diketahui. Justeru, kajian yang dilakukan ini juga meliputi analisis wacana kohesi yang terdiri daripada kohesi gramatikal dan kohesi leksikal dalam novel berjudul *Ilatchia Payanam*.

Berdasarkan pernyataan tersebut, difahami bahawa setiap bahasa mempunyai jumlah ayat yang tidak terbatas. Namun begitu, sebilangan ayat tertentu hanya membawa satu tumpuan makna yang membentuk satu fokus pemikiran yang ada dalam tatabahasa disebut sebagai wacana. Seterusnya, wacana turut dikenali sebagai rentetan, tautan dan hubungan antara sistem bahasa yang tersusun sehingga menghasilkan satu bentuk ayat, perenggan, karangan, sebuah novel, sebuah majalah, buku seminar, bengkel, dan forum.

Bab ini menghuraikan latar belakang yang menjadi asas kajian terhadap novel Tamil. Seterusnya, menerangkan bahagian seperti pernyataan masalah, tujuan kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, dan definisi operasional konsep tertentu dengan terperinci untuk membantu pengkaji menjalankan kajian ini dengan mudah dan lancar.

Latar Belakang Kajian

Analisis wacana merupakan penyelidikan tentang pelbagai jenis penggunaan bahasa. Aspek nahuan bukan sekadar memberikan penekanan dalam aspek penggunaan bahasa malah menjadi fokus dalam penyelidikan bahasa. Analisis wacana yang dilakukan perlu merujuk pada kajian struktur dan sudut konteks. Sejak 1950-an, penyelidikan terhadap analisis wacana pesat dilakukan dengan pelbagai pendekatan. Pendekatan yang digunakan merujuk pada kajian bahasa yang melebihi batas ayat dan dapat menunjukkan organisasi dan kaitan antara butir fikiran serta perkembangan akaliah yang wujud di dalamnya (Asmah, 1980:11).

Dunia wacana mencatatkan bahawa aliran Firth (1935) berkembang di Great Britain yang memfokuskan kajian tentang hubungan bahasa dengan persekitarannya, iaitu masyarakat melalui konsep keperihalalan keadaan di Malinowski. Seterusnya, berlakunya pendekatan analisis dipelopori oleh Zellig S. Harris (1952) di Amerika Syarikat. Pada masa itu, terdapat tulisan yang menggunakan ungkapan analisis wacana dengan menggunakan prosedur atau kaedah formal tentang penyebaran struktur kelas keserupaan yang melebihi ayat berdasarkan pendekatannya.

Pada pertengahan 1960-an, bermulanya analisis wacana moden dengan terbitnya analisis struktural wacana di Perancis. Aliran tagmetik yang diperkenalkan oleh Pike (1967), etnografi pertuturan oleh Hymes (1974) dan aliran tatabahasa stratifikasi oleh Lamb (1962) juga berlaku di Amerika Syarikat. Diikuti, Halliday memperkenalkan aliran tatabahasa fungsional yang kemudiannya dipanggil sebagai linguistik sistematik di Jerman. Kajian berkaitan tautan terus berkembang kepada pemahaman struktur wacana dilakukan pernyataan awal oleh Halliday (1962) dalam artikelnya *Descriptive Linguistics in Literary Studies*. Manakala Ruqaiya Hassan (1964) pula dalam tesis ijazah doktor falsafah (Ph.D) juga merinci konsep tautan oleh Halliday.

Sekitar dekad 1960-an, ilmu wacana ini menampakkan perkembangan awal analisis wacana moden yang lebih bersifat deskriptif dan struktural terhadap genre wacana terkemuka atau bersifat pribumi. Hal ini kerana, aliran wacana bergerak tanpa kawalan dan bertentangan dengan aliran tatabahasa transformasi generatif.

Seterusnya, analisis wacana dilakukan secara teratur dalam disiplin yang sama antara disiplin pada dekad 1970-an dan merupakan pertentangan terhadap tatabahasa formal dan bebas konteks transformasi generatif. Justeru, terbitan yang terkenal dalam tempoh itu ialah oleh Halliday dan Hasan (1976), yang bertajuk 'Cohesion in English'. Menurut Brown dan Yule (1983:190), bahawa buku yang dihasilkan oleh Halliday dan Hasan (1976), merupakan paling komprehensif dan mengikut piawaian dalam tautan.

Tidak dinafikan, tempoh masa analisis wacana lebih mendapat tumpuan dan berkembang serta pada masa yang sama alirannya merencam dan mengkhusus pada dekad 80-an dan awal 1990-an. Hal ini kerana, wujud beberapa terbitan yang besar seperti *Introduction to Text Linguistics* Beugrande dan Dressler (1981), *The Grammar*

of Discourse (Longacre:983), *An Introduction to Functional Grammar* (Halliday:1985), *English Text: System and Structure* (Martin:1992), dan *Discourse* (Cook:1994).

Seterusnya, analisis wacana telah memasuki peringkat kritis pada dekad pertengahan 90-an dan awal abad ke-21 kerana pada 1992 Fairclough telah menghasilkan karya lebih awal seperti *Discourse and Social Change*.

Latar belakang Perkembangan Sejarah Novel Tempatan

Perkataan novel berasal daripada perkataan ‘Novella’ yang merupakan bahasa Itali, manakala dalam bahasa Tamil, novel dipanggil ‘puthinam’ atau cerita panjang. Dengan kata lain, novel merupakan kisah imaginasi oleh novelis yang memberikan ruang kepada mereka untuk mengisahkan sesuatu peristiwa dengan sedalam-dalamnya.

Pada asalnya, konsep novel dibawa ke India ketika pemerintahan Inggeris di India. Ketika berlaku penghijrahan masyarakat dari India ke Tanah Melayu, maka konsep novel ini turut dibawa bersama (Sababathy, 2007:120). Pada awal abad 20-an, penulisan novel mula berkembang. Novel Tamil yang pertama di Malaysia ialah novel bertajuk “Karunakaran Allatu Kathalin Machi” ditulis pada 1917 oleh K. Vengadaratnam (Uthaya Shankar, 2010). Sekitar 1916 hingga 1938, sebanyak 25 novel telah diterbitkan di Malaysia dan mempunyai plot cerita berdasarkan India. Hal ini termasuklah, latar tempat, masa, dan masyarakat juga berdasarkan India dan Sri Lanka (Sababathy: 1997).

Perkembangan novel Tamil selepas merdeka menunjukkan perbezaan kerana latar tempat dan masyarakat telah berubah. Lantas, penulisan novel mula mengisahkan kejayaan dan kecundang masyarakat tempatan. Antara novel yang terkenal pada ketika itu ialah *Thiyarapathai* (1958), *Elachia Payanam* (1972), *Maravali Kizhanggu* (1979), *Payananggal Mudivathillai* (1988). Era 90-an pula telah mencatatkan perkembangan yang drastik dan ini terbukti apabila sebanyak 27 buah novel pada 1980 hingga 1990 telah diterbitkan. Manakala, sebanyak 43 buah novel diterbitkan antara 1990 hingga 1992. Tetapi, tiada sebarang novel diterbitkan pada 1996, 2003, dan 2004 (Sababathy, 1997).

Secara realitinya, novel dari India banyak bertemakan marxisme, *Thalithyum* dan kewanitaan pada 1990 hingga 1999. Keadaan ini berbeza di Malaysia kerana banyak novel bertemakan kewanitaan sahaja dan disuarakan melalui novel Tamil pada tahun tersebut.

Terdapat banyak faktor yang mendorong perkembangan ini kerana keprihatinan pihak penerbitan surat khabar menyiarkan novel dalam bentuk mingguan memberikan satu impak yang berkesan. Selain itu, bengkel penulisan novel yang berterusan juga

memainkan peranan penting dalam perkembangan novel di tanah air (Krishnan, R, 2010). Termasuklah pelbagai aktiviti pertandingan mengarang novel turut menyemarakkan penulisan ini. Contohnya, pada 2005 hingga 2007, pihak Malaysian Satellite Television (ASTRO) bersama Persatuan Penulis Tamil Malaysia telah menganjurkan Pertandingan Menulis Novel Tamil dan mendapat sambutan hangat daripada penulis veteran mahupun yang muda.

Selain itu, Dr. Re. Karthikesu, A. Rengasamy, C. Muthusamy, Pa. Chandrakantham, Ma. Ramaiyah merupakan penulis novel tempatan yang terkenal. Tambahan pula, banyak penulis cerpen telah mula menulis novel. Dr.Re.Karthigesu merupakan penyumbang paling besar ke arah perkembangan novel Tamil tempatan.

Sejarah Penulisan Novel *Ilatchia Payanam*

Novel *Ilachia Payanam* yang ditulis oleh Ai.Elavazhugu (1972) yang bertemakan kegigihan seorang untuk mencapai matlamat hidupnya. Watak utama, Mathavan, mempunyai matlamat untuk memiliki ladangnya sendiri, tetapi, hanya bekerja sebagai seorang pekerja ladang di Ladang Padang. Ceritanya bermula dari ladang getah. Setelah habis kerja, pada waktu petang dia mengadakan kelas tambahan. Mathavan juga bergiat aktif dalam pertubuhan peladang. Dia yang menyandang jawatan setiausaha pertubuhan telah banyak menyelesaikan masalah pekerja ladang bersama ketuanya, Arumugam. Pada ketika itu, V.T.Sambanthan giat menggalakkan peladang untuk melabur dalam koperasi peladang. Mathavan mendapat ilham untuk memiliki ladangnya sendiri. Demi mencapai cita-cita tersebut, dia keluar dari ladang menceburi bidang perniagaan. Dia bermula dari perniagaan buku, kain dan berjaya membeli ladang yang kecil. Mathavan berusaha lagi. Akhirnya dia berjaya membeli beberapa ladang lagi dan mencantumkannya menjadi satu dan menamakannya 'Ladang Peladang'.

Kesimpulannya, perkembangan novel berkembang pesat dalam era 2000-an. Plot dan jalan ceritanya juga berbeza-beza. Pada 2000-an pelbagai isu terkini dibincangkan seperti masalah remaja, masalah kedatangan pemuda Bangladesh, pengaruh filem, dan kewanitaan merupakan tema penting yang berlaku dalam penulisan novel Tamil.

Pernyataan Masalah

Penyampaian sesuatu maklumat atau fakta yang baik amat bergantung kepada aspek lain, sama ada fakta dalam novel yang dikaji tersebut diolah dengan jitu sehingga berupaya menunjukkan elemen pautan (kohesi) ini akan dan keteraturan fikiran di dalamnya atau sebaliknya. Sekiranya fakta tidak tersusun dan tidak ada pautan menyebabkan pembaca mengalami kekeliruan. Malahan, Abdullah Hassan (1980:658) turut mengatakan bahawa bahasa mempunyai bentuk dan maksud yang tersendiri. Pembaca mengalami kesukaran untuk memahami maksud penulis sekiranya tanpa kehadiran wacana kohesi dalam sesebuah teks novel. Satu perkara lain yang perlu

diketahui ialah wacana difahami sebagai penggunaan bahasa dalam konteks yang membawa makna. Hal ni menunjukkan bahawa jika dalam konteks penulisan, wacana terhasil apabila berlaku interaksi komunikasi antara teks dengan pembaca. Untuk memastikan bahawa pembaca dapat memahami erti teks yang dibaca, pengarang hendaklah mengemukakan ideanya secara bertaut dan berpadu (Mohd. Zaini Othman, 2004).

Di Malaysia, kelemahan calon bukan sahaja pada peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bahkan juga pada peringkat maktab. Keadaan ketara dalam penulisan karangan, iaitu isi karangan tidak tersusun dan bercampur aduk, kesilapan atau kelemahan dalam penggunaan kohesi nahan dan kohesi leksikal, pengorganisasian isi yang lemah, penghuraian isi yang kurang tepat dengan tajuk dan kesalahan tatabahasa yang serius menyebabkan kekeliruan dalam isi yang disampaikan, dan sebagainya. Menurut Manar Mannan (1995) terdapat kelemahan yang ketara dalam karangan guru pelatih. Para guru pelatih sepatutnya mempunyai pengetahuan yang luas dalam penghasilan ayat yang kohesif dan mempunyai unsur tautan yang bermakna.

Sesungguhnya, sesuatu teks yang kohesif sangat diperlukan untuk memperjelas maklumat atau fakta yang hendak disampaikan kepada pembaca. Widdowson, H.G (2007) mengatakan bahawa kekohesian sebuah teks bergantung kepada penilaian penulisan dari segi keberkesanan penyampaian maksud pada pembaca. Konsep kohesi merujuk kepada konsep semantik sesebuah teks yang memperlihatkan perhubungan antara satu ayat dengan ayat berikutnya dalam satu perenggan serta dengan pembaca teks tersebut. Justeru, pengkaji dapat mengenalpasti elemen kohesi yang terdiri daripada kohesi nahan dan kohesi leksikal yang wujud dalam teks novel yang dikaji ini memiliki perkaitan semantik yang sekali gus membentuk teks yang kohesif. Kohesi ini sewajarnya boleh ditafsirkan oleh pembaca untuk memahami makna sebenar ayat yang dibaca bersesuaian dengan konsep semantic, iaitu perkaitan makna dalam ayat yang difahami oleh pembaca (Van Dijk. T.A, 1977). Oleh itu, seseorang penulis atau pengarang novel harus memastikan bahawa novel yang dikarang itu adalah mempunyai teks yang kohesif untuk memudahkan pembaca memahami sesuatu fakta dalam teks itu dengan jelas.

Seterusnya, Sistem Kurikulum Pendidikan yang dirangka sentiasa diberikan penambahbaikan untuk memastikan bahawa kandungan kurikulum selaras dengan kehendak globalisasi (Seman Saleh, 2005). Usaha untuk melengkapkan murid dengan keupayaan, kemahiran, pengetahuan dan nilai serta semangat kesedaran memerlukan banyak perubahan dan inovasi kurikulum yang dirancang untuk dilaksanakan mencapai matlamat pendidikan. Namun begitu, kajian terdahulu menunjukkan bahawa wujudnya masalah kebimbangan guru terhadap perubahan kurikulum jelas mempengaruhi cara mereka melaksanakan inovasi dalam pengisian kurikulum (Sharifah Nor Puteh et. al, 2012). Pengajaran dan pembelajaran berinovasi juga penting bagi mata pelajaran kesusasteraan yang terdiri daripada Kesusasteraan Melayu, Kesusasteraan Cina, dan Kesusasteraan Tamil. Bahkan, bahan sastera itu sendiri boleh dijadikan sebagai bahan berinovasi dan berinformasi. Justeru, teks novel kesusasteraan seperti novel *latchia* Payanam ini yang memiliki elemen kohesi nahan dan leksikal membolehkan pengajaran dan pembelajaran yang berinovasi.

Seterusnya, dalam aktiviti penulisan memerlukan pelajar sekolah didedahkan dengan lebih kerap kaedah meningkatkan kemahiran penggunaan wacana kerana penggunaan wacana yang lemah akan menjejaskan hasil kualiti sesebuah penulisan. Hal ini diakui oleh Kamaruddin Hj Husin (1988), yang mengatakan bahawa pelajar perlu memberikan perhatian dan usaha untuk menghasilkan penulisan yang baik, pada peringkat sebelum, semasa dan selepas menjalankan aktiviti penulisan. Ini kerana, tidak semestinya penutur asli sesuatu bahasa dapat menghasilkan penulisan yang kohesif dan koheren (Jones, J. 2007). Terdapat juga pelajar India yang berbahasa ibunda Tamil juga telah melalui pendidikan pada peringkat rendah, iaitu selama 6 tahun memiliki pengetahuan yang lemah dan sederhana dalam mata pelajaran Bahasa Tamil khususnya dari segi pembinaan ayat (Komathi sinniah, 2010) Justeru, karangan yang terdiri daripada elemen kohesi nahan dan leksikal dapat membentuk suatu keutuhan wacana dan satu penulisan yang kohesif.

Sekiranya wacana dikaitkan dengan penulisan karangan jenis naratif, sudah tentu memberikan makna jika kata yang dipilih dapat menyatakan sesuatu lambang mengikut kesesuaian. Hasilnya, kualiti penulisan akan lebih tinggi kerana pemilihan kata yang mengandungi aspek gaya bahasa digunakan serta meletakkan nilai estetika dalam penulisan seseorang pelajar.

Fungsi wacana sebagai satuan bahasa yang lengkap dan direalisasikan dalam bentuk karangan yang mantap (Kridalaksana dalam Tarigan, 1984). Justeru, penulisan karangan naratif, bukan sahaja menunjukkan kesatuan idea yang ingin dipaparkan dalam teks terbentuk dalam kesatuan idea, tetapi turut melibatkan ciri gaya bahasa yang berfungsi mengukuhkan lagi teks penulisan tersebut

Berdasarkan kajian dan beberapa pandangan para ahli linguistik yang tersebut di atas, maka dirumuskan bahawa penulisan yang berupa karangan ataupun novel yang utuh dan terbaik ialah penulisan yang memiliki sarana kohesi yang tepat. Juga terbukti bahawa kohesi menyumbangkan kepada penulisan yang baik dari segi pengolahan isi dan memberi maklumat yang rapi dan bermakna

Secara khususnya, kesedaran terhadap wacana telah lama wujud akan tetapi tidak ada kajian atau karya yang dihasilkan untuk menerangkan analisis wacana bidang bahasa Tamil (Shanmugam, C. 2002). Penelitian terhadap aspek analisis wacana kohesi dalam bahasa Tamil merupakan bidang baharu. Tidak dinafikan, bilangan kajian tentang wacana kohesi dalam bahasa Tamil terhad, sedangkan kajian ini merupakan salah satu aspek yang amat menarik untuk dikaji. Kebanyakan kajian tentang analisis kohesi dalam novel dan cerpen dilakukan oleh pengkaji Inggeris dan Indonesia. Tidak ada pengkaji India yang membincangkan aspek wacana kohesi dalam novel Tamil tempatan. Sehingga kini pengkaji India yang mengkaji aspek wacana kohesi Tamil kebanyakannya dalam karangan bahasa Tamil, iaitu *Wacana Bahasa Tamil: Analisis Kohesi dalam Esei Pelajar Tingkatan Lima* oleh Kumaran Ramayah (2006), *Analisis Kohesi dalam Karangan Bahasa Tamil pelajar tingkatan Tiga* oleh Thamilanban Shanmugam (2011), *Kohesi dan Koheren dalam Karangan Pelajar Tingkatan Enam*

oleh Kaaminy Kanapathy (2011) dan seterusnya satu kajian telah dilakukan berkaitan *Kohesi dalam Rencana Pengarang Akhbar Tamil*, Santhy Muttapan (2011).

Kekurangan kajian yang dijalankan berkaitan analisis wacana kohesi Tamil dalam novel mendorong pengkaji menjalankan kajian ini. Kajian yang dilakukan ini berdasarkan sarana kohesi yang disesuaikan dan diterapkan dalam bahasa Tamil yang telah dikemukakan oleh "Halliday dan Hasan" (1976).

Persoalan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan seperti berikut:

- i) adakah terdapat kohesi nahuan dan leksikal dalam novel *Ilatchia Payanam*?
- ii) apakah jenis kohesi nahuan dan leksikal yang digunakan dalam novel *Ilacthia Payanam*?
- iii) apakah kekerapa perbezaan penggunaan kekerapan kohesi nahuan dan leksikal dalam novel *Ilacthia Payanam*?

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i) mengenal pasti elemen kohesi nahuan dan leksikal yang wujud dalam novel *Ilacthia Payanam*
- ii) menganalisis kekerapan perbezaan penggunaan kekerapan kohesi nahuan dan leksikal dalam novel *Ilacthia Payanam*
- iii) menghuraikan jenis kohesi nahuan dan leksikal yang terdapat dalam novel *Ilacthia Payanam*

Kepentingan Kajian

Kajian ini berupaya memberikan manfaat kepada penulis novel, pengarang novel, guru kesusasteraan Tamil dan Persatuan Sastera Tamil dalam penghasilan novel yang mempunyai keutuhan, iaitu terdiri daripada penggunaan kohesi nahuan dan leksikal. Dalam menghasilkan sesuatu wacana, aspek kohesi sangat ditekankan untuk memastikan bahawa penutur dan penulis dapat menghasilkan teks wacana yang bermutu dan berkualiti. Bersesuaian dengan konsep kohesi yang diperkenalkan oleh Halliday dan Hasan (1976), kohesi ialah ciri linguistik yang membantu menghubungkan satu urutan ayat sehingga melahirkan sesuatu teks yang padu atau memperlihatkan pautannya.

Kajian ini juga penting kerana menjadi landasan kepada para penulis India tempatan dalam penggunaan ciri kewacanaan yang utuh dalam penulisan cerpen, novel, akhbar, dan sebagainya.

Penggunaan wacana kohesif akan memberikan satu ilmu tambahan kepada penulis dalam gubahan cerita dan peristiwa yang dihidangkan kepada pembaca. Dalam sesebuah novel, tujuan dan konteks wacana perlulah berperanan seiring serta bernas mengikut kesesuaian penyampaian isi dalam novel tersebut, supaya makna yang ingin disampaikan oleh penulis membawa kesan yang positif dan efektif terhadap pembaca. Hal ini kerana kegagalan menggunakan penanda wacana yang tepat akan menyebabkan sesebuah karangan itu tidak mempunyai urutan, terutamanya dalam aspek isi dan idea.

Tambahan lagi, sesuatu bahasa mempunyai bentuk dan maksud yang tersendiri. Pembaca akan menghadapi kesukaran untuk memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis tanpa kewujudan wacana dalam sesebuah teks novel, Abdullah Hassan (1980:658).

Kajian ini juga penting kepada pengarang novel dalam usaha untuk meningkatkan aspek kebahasaan dalam novel yang dihasilkan yang bukan sahaja terhad kepada domain ayat sahaja tetapi lebih besar daripada ayat, iaitu melihat domain sebuah teks yang kohesif.

Analisis kohesi merupakan perkaitan semantik, iaitu kesinambungan dan kesepaduan teks dalam penampilan idea dan fakta novel pengarang, yang memberikan mesej yang tepat kepada para pembaca.

Kajian ini juga penting kerana bahan kajian, iaitu novel berjudul *Ilatchia Payanam* merupakan novel tempatan yang pertama digunakan sebagai teks mata pelajaran Kesusasteraan Tamil peringkat SPM mulai 2012. Novel ini juga pernah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan Menulis Novel anjuran Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kebangsaan.

Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan terhadap novel Tamil tempatan, iaitu *Ilachia Payanam* yang ditulis oleh Ai.Elavalazhu pada 1971. Kajian ini hanya memfokuskan analisis elemen kohesi nahuan dan leksikal dalam novel Tamil berjudul *Ilatchia Payanam*. Kajian terhadap novel ini penting kerana sejak 1956, kesemua novel yang digunakan sebagai teks Kesusasteraan Tamil bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berasal dari negara India. Novel yang dikaji ini merupakan novel tempatan yang pertama digunakan sebagai teks mata pelajaran Kesusasteraan Tamil peringkat SPM mulai 2012.

Tambahan pula, kajian ini hanya memfokuskan analisis elemen kohesi yang terdiri daripada kohesi nahuan, iaitu rujukan, penggantian, konjungsi dan elipsis dan kohesi leksikal melibatkan reiterasi dan kolokasi yang dikategorikan oleh Halliday dan Hasan (1976).

Pengkaji membataskan kajian ini dengan hanya menghuraikan secara deskriptif jenis sarana kohesi yang mewujudkan perkaitan sintaktik dan semantik dalam menghuraikan dalam novel.

Definisi Operasional

Definisi operasional dalam kajian ini terdiri daripada definisi pengkaji sendiri dan definisi daripada sarjana lain. Justeru, dalam kajian ini pengkaji menjelaskan definisi wacana, kohesi dan novel.

Wacana

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), mengertikan wacana adalah maksud keseluruhan tutur kata yang merupakan suatu organisasi, pertuturan dan ucapan. Seterusnya, Tarigan (1995:36), memberikan gambaran yang lengkap tentang wacana adalah:

wacana adalah organisasi bahasa yang sempurna dan tertinggi atau terbesar di atas kalimat atau klausa diikuti koherensi dan kohesi tinggi yang berurutan yang disampaikan secara lisan atau tertulis mempunyai awal dan akhir yang nyata.


Justeru, pengertian oleh para ahli linguistik, wacana mempunyai fungsi dan menduduki tingkat teratas kedudukan satuan bahasa linguistik. Rajah 1.1 menunjukkan lebih jelas lagi tentang struktur kedudukan wacana dalam bahasa.

Wacana
Kalimat
Klausa
Frasa
Kata
Morfem
Fonem

Rajah 1.1 : Hierarki Satuan-Satuan Bahasa

Sumber:(Henry Guntur Tarigan, 1995:37)

Raminah Haji Sabran (1985), mendefinisikan wacana ialah unit bahasa yang melebihi batas ayat, kerana itu ia boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraiian, bab, buku, dialog, siri buku dan sebagainya yang menampakkan hubungan dan perkembangan fikiran yang berturutan. Menurut beliau lagi, wacana ini diletakkan pada peringkat paling atas atau tertinggi mengikut hierarki dan boleh dinyatakan seperti dalam Rajah 1.2:



Rajah 1.2 (wacana)

Sumber: Raminah Haji Sabran, 1985)

Harimurti Kridalaksana, (1983) dalam kamus Linguistik (2008:204) mendefinisikan wacana atau 'Discourse' sebagai satuan bahasa yang lengkap, iaitu dalam kedudukan nahuan merupakan satuan nahuan tertinggi. Wacana dapat disedari dalam bentuk karangan yang utuh seperti novel, buku siri ensiklopedia, perenggan, atau ayat yang membawa makna yang sempurna.

Menurut Idris Aman (2010:36), kohesi ialah aspek formal bahasa dalam sesuatu wacana atau teks. Kohesi juga disebutkan tentang kesatuan sintaktik wacana atau teks, iaitu wadah ayat digembleng secara sepadu dan berhubung dengan menfaedahkan alat kebahasaan untuk membentuk wacana(tulisan atau tuturan).

Pengertian Wacana

Secara etimologinya, wacana berasal daripada bahasa latin, *discurrere* yang bermaksud ke hadapan dan ke belakang. (Vass, 1992). Dalam bahasa Inggeris pula, wacana bermaksud *discourse*. Menurut Mulyana (2005:3), istilah wacana berasal dari bahasa Sansekerta *wac/wak/vak* yang bererti berucap. Kemudian, kata ini mengalami perubahan bentuk menjadi wacana. Pendapat ini ada kaitan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Baryadi (2001:3) bahawa kata wacana berasal dari vacana ‘bacaan’ dalam bahasa Sansekerta, selepas itu masuk dalam bahasa Jawa menjadi wacana ‘bicara, kata, ucapan’ dan akhirnya ke dalam bahasa Indonesia menjadi wacana ‘ucapan dan percakapan’.

Biasanya, wacana diteliti dalam dua cara yang berbeza, iaitu wacana sebagai unit bahasa yang lebih luas daripada ayat dipanggil suatu struktur dan realisasi daripada fungsi bahasa, iaitu penggunaan kepada masyarakat, ekspresif dan untuk tujuan rujukan (Schiffrin, 1994:339). Untuk merujuk kepada bahasa lisan, tulisan atau perbincangan perkataan wacana ini selalu digunakan dalam kajian semantik dan analisis wacana (Ebah Suhaebah, 1992). Manakala Tengku Silvina Sinar (2008:5) mengatakan bahawa wacana diterjemahkan sebagai *Discourse*, iaitu unit bahasa yang sempurna dan tertinggi yang terdiri daripada deretan kata atau ayat sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan yang diwujudkan bahan analisis linguistik.

Khatijah Abdul Hamid, (1997) mengatakan bahawa wacana ialah kesatuan bahasa yang sempurna dan pada kedudukan teratas dalam bentuk pertuturan dan penulisan yang memperlihatkan urutan fikiran di dalamnya dan merujuk kepada komunikasi dalam konteks dipanggil wacana bahasa. Tarigan (2009:26) pula mengatakan bahawa wacana ialah satuan bahasa yang paling sempurna, lebih tinggi daripada klausa dan kalimat, mempunyai kohesi dan koherensi yang baik, memiliki awal dan akhir yang jelas, berkesinambungan, dan dapat disampaikan secara lisan ataupun tertulis.

Berdasarkan pengertian tersebut, membentuk wacana yang utuh memerlukan susunan wacana yang sentiasa mempertimbangkan unsurnya. Seterusnya, wacana boleh juga boleh diertikan sebagai kegunaan bahasa mengikut konteks yang melampaui batas ayat.

Kohesi

Kohesi ialah konsep wacana berasaskan semantik yang merujuk kepada perkaitan makna yang wujud dalam sesebuah teks dinamakan sebagai wacana. Wacana merupakan hubungan dua atau lebih unsur dalam sesebuah teks. Perkara ini disebutkan oleh Halliday dan Hasan (1976:8), seperti yang berikut:

Cohesion is a semantic relation between an element in the text and same other element that is crucial to the interpretation of it.

Menurut Halliday dan Hasan (1976), kohesi ialah konsep wacana berasaskan semantik yang merujuk kepada perkaitan kebahasaan yang terdapat pada suatu percakapan yang mewujudkan wacana. Beliau cuba menghuraikan bahawa dalam sesebuah organisasi teks terdapat kewujudan tautan makna yang dapat dilihat dari dua penjurong dipanggil tautan nahan dan tautan leksikal. Selain itu, kohesi juga memeperlihatkan urutan percakapan dalam bentuk ayat untuk mewujudkan suatu teks dengan mengaitkan makna yang terkandung dalam unsur. Maka dapat dikatakan bahawa tetenunan, tautan, kepaduan dalam sesuatu teks dipanggil sebagai kohesi.

Cohesion is expressed through the strata organization of language. Language can be explained as a multiple coding system comprising three levels of coding or 'strata'. The semantic (meaning) the lexicogrammatical (forms) and the phonological and orthographic (expression). Meanings are realized (coded) as forms, and the forms are realized in turn (recoded) as expressions. To put this in everyday terminology, meaning is put into wording and wording into sound or writing...

Halliday dan Hasan, (1976:5)

Kohesi menjelaskan bagaimana ayat atau bahagian teks dikaitkan antara satu sama lain untuk mewujudkan wacana seperti yang dinyatakan oleh Yowell (1988) seperti yang berikut:

Cohesion addresses itself to the question of how sentences are tied up together to form a text. It studies such things as the nature of cohesive elements, whether they are semantic or syntactic...

(Steiner dan Veltman, 1988:148)

Seterusnya, Tansaknen (2006) menjelaskan perpaduan wacana hanya boleh diwujudkan melalui penggunaan sarana kohesi yang menyumbang kepada perpaduan teks. Oleh itu, teks menurut Halliday dan Hasan (1976) ialah mana-mana laluan, lisan atau bertulis, apa juga panjang, itu membentuk keseluruhan bersatu dan yang terbaik dianggap sebagai unit semantik. Pendapat ini disokong oleh Alarcon dan Morales, (2011) yang menyatakan bahawa kohesi merujuk kepada ciri linguistik yang membantu membuat urutan ayat teks.

Menurut model Halliday dan Hassan (1976), kohesi terdiri daripada dua jenis, iaitu kohesi nahan dan kohesi leksikal.

Kohesi Nahuan

Kohesi Nahuan merupakan aspek tatabahasa dari segi bentuk atau struktur yang melahirkan wacana dan terbahagi kepada Rujukan, Penggantian, Konjungsi dan Elipsis.

a) Rujukan(Reference)

Dalam sesebuah teks terdapat elemen sebelum atau selepas yang mempunyai kaitan dengan hubungan makna dipanggil rujukan. Rujukan pada unsur sebelum dinamakan rujukan anafora, manakala rujukan pada unsur selepas dinamakan rujukan katafora. Rujukan adalah seperti rujukan melalui Ganti Nama Diri, Demonstatif dan Komparatif.

b) Penggantian (Substitution)

Penggantian ialah pertukaran bagi sesuatu segmen kata, frasa atau klausa. Penggantian ini berlaku apabila kata ganti yang lain dalam sesuatu konstituen . Penggantian ini terdiri daripada penggantian nominal, penggantian verbal, dan penggantian klausa.

c) Konjungsi (Conjunction)

Konjungsi juga dikenali sebagai penghubung ialah proses mempertalikan ayat, klausa, frasa atau kata dengan unsur sebelumnya. Proses ini dilakukan melalui penggunaan kata penghubung. Terdapat 4 jenis konjungsi yang membantu membina berpautan dan berkesatuan, iaitu terdiri daripada penghubung penambah (*Additive*), penghubung berlawanan (*Adversative*), penghubung Musabab (*Causal*) dan penghubung Turutan (*Temporal*).

d) Penghilangan (Elipsis)

Penghilangan (*Elipsis*) atau pengguguran ialah proses mengeluarkan kata atau sebahagian kesatuan lain dalam sesuatu ayat. Penghilangan ini terdiri daripada penghilangan nominal, penghilangan verbal, dan penghilangan klausa.

Kohesi Leksikal

Kohesi Leksikal pula merujuk kepada perkaitan leksikal dalam ayat. Menurut Halliday dan Hasan (1976), Kohesi Leksikal berperanan untuk menyatukan dua ayat

dalam sebuah wacana. Menurutnya, Kohesi Leksikal terdiri daripada 2 jenis, iaitu Kohesi Leksikal Reiterasi dan Kohesi Leksikal Kolokasi

a) Kohesi Reiterasi(Reiteration)

Reiterasi atau pernyataan semula berlaku melalui tiga cara, iaitu penggunaan kata yang sama atau hampir sama, penggunaan kata sinonim dan penggunaan kata superordinat.

b) Kohesi Kolokasi(Colocation)

Kolokasi bermaksud leksikal 'yang diperoleh melalui kesinambungan item leksikal yang selalu wujud bersama-sama' (Halliday dan Hasan, 1976). Tetenunan melalui kolokasi dicapai melalui perkaitan semantik item-item leksikal yang kerap hadir secara bersama atau mempunyai makna umum yang sama.

Definisi Novel

Novel berasal dari bahasa Italia, iaitu *novella*. Manakala dalam bahasa Jerman dikatakan sebagai *Novelle*, dan dalam bahasa Yunani pula dikatakan *novellus*. Selepas itu perkataan itu masuk ke Indonesia menjadi novel. Sejak kebelakangan ini, istilah *novella* dan *novella* mengandungi pengertian yang sama dengan istilah Indonesia, iaitu *novelette* (Inggeris: *novelette*), yang bererti sebuah karya prosa fiksi yang panjangnya cakupan, tidak terlalu panjang, namun juga tidak terlalu pendek. Novel merupakan karya fiksi yang menjelaskan aspek kemanusiaan yang lebih mendalam dan dihidangkan dengan halus (Nurgiyantoro, 1995: 9). Seterusnya, Nurgiyantoro (2009: 4) juga mengatakan bahawa novel ialah sebuah karya fiksi yang menawarkan sebuah dunia. Dunia yang berisi model kehidupan yang diidealkan dengan dunia imaginasi yang dibangun melalui pelbagai unsur intrinsiknya seperti plot, tokoh dan penokohan, latar, sudut pandang, dan lain-lain semuanya tentu sahaja bersifat imaginatif.

Menurut Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2006), pula menyatakan fenomena dan persoalan yang ditonjolkan dalam karya sastera merupakan realiti kehidupan masyarakat. Pengarang novel menggambarkan situasi yang dialaminya dalam penulisan karya sastera. Oleh itu, ungkapan 'sastera sebagai cerminan masyarakat' merupakan refleksi kehidupan sebenar manusia yang diterjemahkan secara halus dan berhemah oleh pengarang.

Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat kohesi atau tautan ialah keserasian hubungan satu unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain dalam sesebuah wacana untuk menghasilkan wacana yang mantap. Keserasian hubungan ini biasanya dilihat melalui kaitan antara sesuatu perkataan, frasa atau ayat dengan perkataan, frasa atau ayat lain yang terdapat dalam wacana tersebut. Kohesi penting kerana tautan dapat membentuk kesinambungan antara sebahagian teks dengan yang lain sehingga

membentuk suatu organisasi atau kesatuan. Seterusnya, kohesi juga merujuk kepada idea atau esei yang dijalin rapi hingga menjadi bersepadu.

Kohesi juga dikatakan sebagai organisasi sintaktik merupakan wadah ayat yang disusun secara padu. Ini bererti bahawa kohesi merupakan perkaitan antara ayat dalam sesebuah wacana, baik dari segi aspek nahan/gramatikal mahupun dari segi aspek leksikal tertentu. Justeru, penguasaan dan juga pengetahuan yang luas akan dapat membolehkan seseorang penulis menghasilkan wacana yang baik.



BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Idris, (1982). *Analysis of The Thematic Structures and System of Logical Relations in English and Malay Expository Texts*. Disertation Ph. D., University of Malaya.
- Abdul Jalil Othman. (2000). *Kajian Pertautan Ayat dalam Penulisan Karangan: SuatuPengenalan dlm. Dewan Bahasa* 44:6, hal. 658-678.
- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (1987). *Isu-Isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Agesthiolingom. (2002). *Tamil Mozli Amaippiyal*. Chennai: Meiyappan Tamil Aaivakam.
- Ahmad Mahmood Musanif dan Arbak Othman, (2001). *Teori Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana.
- Aijmer, K., & Stenstrom. A (Ed.), (2004). *Discourse Patterns In Spoken And Written Corpora: Vol 120*, 9pp. 3-130. Philadelphia: John Benjamins Publishing.
- Alarcon, J.B., dan Morales K. N.(2011). *Grammatical Cohesion InStudents' Argumentative Essay*. Journal of English and Literture, 2, 114-127.
- Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2006). *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: TintaPress Sdn. Bhd
- Arba'ie Sujud dan Nik Muhamad Affendi, Nik Rafidah. (2012). *Pembentukan Emosi Kanak-kanak Melalui Paparan Iliustrasi dalam Bahan Bacaan Sastera Kanak-Kanak: Perspektif dan Paradigma Kebahasaan*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, pp. 262-278.
- Asmah Haji Omar. (1980). *Analisis Wacana (Bahagian Pertama)*. Jurnal Dewan Bahasa 24(3): 11-25.
- Asmah Haji Omar. (1989). *Pengajaran Bahasa untuk Kemahiran Berkomunikasi: Pendekatan Wacana*. Dlm. Asmah Haji Omar (Eds.). Kaedah Pengajaran Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji. Omar. (1982). *Language and Society In Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Austin, J. L. (1962). *How to do Thing with Words*, J. O. urmson (ed.), Oxford. Clarendon Press.
- Azhar M. Simin. (1993). *Sintaksis Wacana "Yang" dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badudu, J.S. (1982). *Kamus Ungkapan Kata Bahasa Indonesia*. Bandung: Pustaka Prima.
- Baryadi Praptomo. September (2001). *Konsep-Konsep Pokok Dalam Analisis Wacana*. Widyaparwa Hlm. 1-23.
- Bloomfield, L. 1939. "Menomini morphophonemics." *Travaux du Cercle Linguistique de Prague* 8: 105-15.
- Brown, G dan Yule, G.(1983). *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Che Mahmood Che Pa. (2003). *Satu Analisis Penggunaan Jenis Wacana dalam Novel di Hadapan Pulau*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Cook, G . (1994). *Discourse and Literature*. London: Oxford University Press.
- Coulthard Malcolm. (1978). *An Introduction to Discourse Analysis*. London: Longmann.
- Coulthard, M. (1985). *An Introduction to Discourse Analysis*. London: Longman.
- Crystal David. (1989). *The Cambridge Enciclopedia of Language*. London: Cambridge University.
- Crystal, D., and D. Davy. (1969). *Investigating English Style*. London . Longman
- De Beaugrande, R.A dan W.U. Dressler. (1981). *Introduction in Text Linguistics*. London: Longman.
- Deese, James. (1984). "Though into Speech: The Psycology of a Language". Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall, Inc.
- Dressler, Wolfgang. (1972). *Current Trends in Text Linguistics*. Berlin: de Gruyteri
- Ebah Suhaebah. (1992). *Penyulihan sebagai Alat Kohesi dalam Wacana*. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Linguistik Melayu anjuran bersama Persatuan Linguistik Malaysia dengan Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur. 11-13 Ogos.
- Edmonson, Willis (1981). *Spoken Discourse: A Model for Analysis*. London: Longman.
- Elavalazhu. Ai. (1971). *Ilatchia Payanam*. Seremban: Penerbit Utaya Sooriyan.
- Emmott, C. (1999). *Narrative Comprehensions; A Discourse Perspective*. London: Oxford University Press.

- Fairclough, N. (1992). *Discourse And Social Change*. London: Polity Press.
- Firth, J. R. (1935). "The Technique of Semantics." *Transactions of the Philological Society*, 36-72.
- Goffman, Erving (1976), "Gender advertisements". *Studies in the Anthropology of Visual Communication*, 3 (2) (Fall): 65–154.
- Goffman, Erving (1979), *Gender advertisements*. New York: Harper & Row.
- Grice, H.P. (1975). "Logic and Conversation," *Syntax and Semantics*, vol.3 edited by P. Cole and J. Morgan, Academic Press. 41-58
- Halliday, M.A. K. (1994). *An Introduction To Functional Grammar* (2nd ed.). Arnold: London.
- Halliday, M.A.K. (1961). "Categories of the theory of grammar". *Word*, 17 (3), pp. 241–92
- Halliday, M.A.K. (1962), "The linguistic study of literary texts", in H. Lunt (ed.), *Proceedings of the Ninth International Congress of Linguists*, The Hague: 23:12,hal. 63-73.
- Halliday, M.A.K., & Hassan.R. (1976). *Cohesion In English*. London: Longman
- Halliday, M.A.K., (1987). *Language And The Order Of Nature*. Manchester: University Press. (135-154).
- Halliday, M.A.K. (1985) . *Introduction to Functional Grammar*, London: Edward Arnold (Publishers) Ltd.
- Harimurti Kridalaksana. (1978). *Keutuhan Wacana*. Dewan Bahasa, 507-517.
- Harimurti Kridalaksana. (1983). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Harimurti Kridalaksana. (1984). *Komunikasi Leksikal*. Jakarta: Penerbit PT Pradnya Paramit.
- Hasan, R. (1964). 'A Linguistic Study of Contrasting Features in the Style of Two Contemporary English Prose Writers'. Unpublished PhD thesis, University of Edinburgh, Edinburgh
- Hellman, C. (1995). *The Notion of Coherence In Discourse*. En Rickheit .G.,& Habel. C. (Eds.). *Focus and coherence in discourse processing*. Berlin:Walter de Gruyter.
- <http://uthayasb.blogspot.com/2010/05/sastera-tamil-di-malaysia.html>.
- Hymes, D. (1974). *Foundations in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Hymes, Dell. (1972). *The Ethnography of Speaking* dalam J.A. Fishman (ed.). *Reading in the Sociology of Language*. The Hague: Mouton

- Hymes, Dell. (1975). *Language in Culture and Society: A Reader in Linguistics and Anthropology*. New York: Harper & Row.
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm.36.
- Ismail Salleh. (1993). “Tinjauan Ringkas tentang Analisis Wacana dalam Pemerian Tatabahasa bahasa Melayu” dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, April, hlm. 357-362.
- Johnstone, B. (2002). *Discourse Analysis*. Boston: MA Blackwell Publishing.
- Jones. J. (2007). Losing and Finding Coherence in Academic writing. *University of Sydney Papers in TESOL*, 2(2), 125-148.
- Kaaminy. K. (2011). *Kohesi dan Koheren dalam Rencana Pengarang Akhbar Tamil*. Tesis Ijazah Sarjana Linguistik. Universiti Malaya.
- Kamarudin Haji Husin. (1988). *Pedagogi Bahasa*. Selangor: Siri Pendidikan Longmans.
- Kamila Ghazali, (1999). *A Critical Discourse Analysis of the Speeches of Dr. Mahathir Mohamad*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat . (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karunakarn, K. dan Supramani, S. (2009). *Uraikovai-PaNbum Payanum*. (Discourse-Form and Function), Coimbatore: Katarkuthirai Pathippagam.
- Khatijah Abdul Hamid. (1997). *Analisis Kohesidan Koheren Dalam Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Empat di Sebuah Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Komathi, S. (2010, Mei). Program Gender- Pembinaan ayat yang efektif dalam bahasa Tamil, Retrived from <http://smkkamunting.net/portal/article/komathi.pdf>
- Kothandaraman, Pon. (1976). *Modern Studies in Tamil*. Madras: Tamil Nuulagam Press.
- Kothandaraman, Pon. (1997). *Pothu Molziyyal: Arimuga Nilai (General Linguistics: An Introduction)*. Chennai: Poompozilil Publication.
- Kothandaraman, Pon. (2002). *Ikkalat Tamil Ilakkanam*. Chennai: Pumpsolil Publication.
- Kridalaksana Harimurti. (1978). Keutuhan Wacana dalam bahasa dan Sastra IV/1: 36-45. Jakarta: Pusbinbangsa.
- Krishnan, R. (2010). *A Stylistic Analytics of Re. Karthigesus's Novels*. Thesis, University of Malaya.
- Kumaran. R. (2005), *Wacana Bahasa Tamil : Analisis Kohesi Dalam Esei Pelajar Tingkatan Lima*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

- Labov, William. (1965). "On the Grammaticality of Everyday Speech" Paper Presented at the LSA Annual Meeting. New York.
- Lamb, Sydney. M (1962b). *Outline of Stratificational Grammar*. Berkeley, CA: ASUC Book Store.
- Le Vasan, Mani (1996). *System and process in computer mediated discourse : a case study of business communication in a Malaysian corporation / Mani Le Vasan*. PhD thesis, Universiti Malaya.
- Leech Geoffrey, N. (1966). *English in Advertising: A Linguistic Study Of Advertising In Great Britain*. London: Longman.
- Leech, Geoffrey (1972) *Semantics*. London: Penguins
- Longacre, R. (1983). *The Grammar of Discourse*. New York: Plenum Press.
- Lubis, H. H. (1993). *Analisis Wacana Pragmatik*. Bandung: Angkasa
- Lufti Abas. (1979). "Analisis Wacana Sebuah Cerpen" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 23. Bil. 12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mannar. M. (1995). *An Analysis of Written Errors of Tamil Teacher Trainees*. Disertasi Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Martin, J.R. (1992). *English Text: System and Structure*. Philadelphia/Amsterdam, John Benjamins Publication. Co
- Mary Roslind.M. (1992). *Ariviyal Tamil Kalvi*. Journal of Tamil Studies. Disember .Pg 71-93.
- McCarthy, M. dan Carter, R., (1994). *Language as Discourse: Perspectives for Language Teaching*. London: Longman.
- McCarthy. M. (1991). *Discourse Analysis For Language Teachers*. New York: Cambridge University Press.
- Mohd Azidan Abdul Jabar. (2003). *Kohesi Wazcana dalam Bahasa Arab: Satu Kajian terhadap Novel Al-Sahab Al-ahmar*. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Kuala Lumpur
- Mohd. Zaini Othman. (2004). *Wacana, Penanda Wacana, Kohesi, Koheren*. Pelita Bahasa, Jilid 16, (Mac). (26-27). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mouton, 302-307. Revised and reprinted in S. Chatman & S.R. Levin (eds.) (1967), *Essays on the language of literature*, Boston: Houghton Mifflin, 217-223.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2000). *Penanda Wacana dalam Terjemahan Arab Melayu. Satu Analisis Ketenunan teks*. dlm Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mulyana. (2005). *Kajian Wacana: Teori, Metodan Aplikasi Prinsip-Prinsip Analisis Wacana*. Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Nurgiyantoro, Burhan. (1995). *Teori Pengkajian Fiksi*. Yogyakarta: UGM Press.
- Nurgiyantoro, Burhan. (2009). *Teori Pengkajian Fiksi*, Yogyakarta. Gadjah Mada University Press.
- Petofi, J. S., (1968). "Notes on the Semantic Interpretation of Verbal Works of Art", *Computational Linguistics VII*, Budapest: in German Translation in I. Ihwe (ed.), 1972.
- Phillips, L. & Jørgensen, M.W., & (2002). *Discourse Analysis as Theory And Method*. London: Sage.
- Pike, K. L. (1967): "Language in Relation to a Unified Theory of the Structure of Human Behaviour" (The Hague: Mouton)
- Pike, Kenneth. L. & Evelyn G. Pike. 1977. *Grammatical Analysis*. Dallas: Summer Institute of Linguistics
- Rafferty, E (1982). *Discourse Structures of the chinese Indonesian of Malang. NUSA: Studies in Indonesia and Languages in Indonesia*, vol. 12. Jakarta: Universitas Atma Jaya.
- Raminah Hj. Sabran. (1985). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Renkema, J. (1993). *Discourse Studies: An Introductory Textbook*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Renkema, J. (1993). *Discourse Studies: An Introductory Textbook*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company (m/surat – 45 ilatchia payanam)
- Rokhanah Qudus. (2006). *Analisis Kohesi Leksikal Dalam Novel Dom Sumuruping Banyu Karya Suparto Brata*: Jawa Tengah, Universitas Muhammadiyah Purworejo.
- Sababathy Venugopal. (1997). *Meleciya Tamil Putukkavitaikalil Penniya Cintanaikal*, Proceedings of Seminar on Malaysian Tamil Blank Verses (pp. 49-73) Kuala Lumpur: International association of Tamil research.
- Sababathy Venugopal. (2007). *Novel-Novel Tamil Malaysia Selepas 1990-an, Kesusasteraan Tamil Malaysia 2007*(pp. 12-173). Kuala Lumpur: Malaysian Tamil Writers Association,
- Sacks, Harvey, Schegloff, Emanuel A., & Jefferson, Gail (1974). *A simplest systematics for the organization of turn-taking for conversation*. *Language*, 50, 696-735.

- Saidatul Normis Hj. Mahali. (2005). *Keutuhan Wacana Isun-Isun: Satu Penelitian Awal Terhadap Bahasa Dan Budaya Bajau, Sabah*. Seminar Kebangsaan Linguistik (SKALI 2005). 12-13 April 2005, UKM, Bangi.
- Sandhya Nayak. (2002). *Language of Advertisements In Tamil Mass Media*. Ph.D Central Institute of Indians Languages. Mysore: Manasagangotri.
- Santhy. M. (2011). *Kohesi dalam Rencana Pengarang Akhbar Tamil*. Tesis Ijazah Sarjana Lingusitik, University Malaya.
- Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah. (1997). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sato Hirobumi. (1991). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Tesis Ph. D. Universiti Malaya.
- Schiffirin, Deborah. (1994). *Approaches To Discourse*. Oxford UK & Cambridge USA: Blackwell Pullishers.
- Searle, J. R. (1969), *Speech Acts*, Cambridge University Press, Cambridge.
- Seman Salleh. (2005). *Interaksi Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Kesusasteraan Melayu(Komsas) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah yang belum diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Shahida Wati Abdul Hamid. (2002). *Penggunaan Penanda Wacana dalam Novel: Satu Analisis berdasarkan Teks Komponen dalam Bahasa Melayu*, Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Shanmugam, C. (1986). *Coherence In Bharathis's Prose*. journal of Tamil studies. Hlm. 46-63
- Shanmugam, C.(2002). *Karuthadal-(KaruvumUruvum)*. Chennai: Manivaasagar Pathippagam.
- Sharifah NorPuteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis, Aliza Ali.(2012).*Keperihatinan Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ), 2 (2). pp. 19-23. ISSN 2180-4842.
- Sinar, T.S. (2008). *Teori dan Analisis Bahasa*. Yogyakarta: Duta Wacana University Press.
- Sinar, T.S. (2003). *Teori dan Analisis Wacana: Pendekatan Sistematis Fungsional*. Indonesia: Pustaka Bangsa Press.
- Sinclair and Coulthard (1975).” Toward an analysis of discourse: the English used by teachers and pupils”. Oxford University Press.

- Sinclair, J. M dan Coulthard, R. M (1975). *Towards an analysis of Discourse: The English used by Teachers and Pupils*. Oxford: Oxford University Press.
- Sinclair, J. M. et al. (ed.). (1993). "Techniques of Description: Spoken and Written Discourse". London dan New York: Routledge.
- Stubbs, M. (1989). *Discourse Analysis*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sumarlam, dkk.(2003). *Teori Dan Praktik Analisis Wacana*. Surakarta: Pustaka Cakra.
- Tanskanen, S.K. (2006). *Collaborating Towards Coherence: Lexical Cohesion In English Discourse*. Amsterdam, Netherlands: John Benjamins.
- Tarigan, H. G. (1984). *Menulis: Sebagai Suatu Ketrampilan Berbahasa*: Bandung Angkasa.
- Tarigan, H. G. (2009). *Dasar-Dasar Kurikulum Bahasa*: Bandung: Angkasa.
- Tarigan, H.G. (1984). *Pengajaran Semantik*. Bandung: Angkasa.
- Tarigan, H.G. (1995). *Pengajaran Wacana*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thamilanban. S. (2011). Analisis Kohesi dalam Karangan bahasa Tamil Tingkatan Tiga. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Thanalachime. P. (2013). Language in India: Poetical Discourse Analysis of Tamil song 'Ovvuru Puukkalumee', Vol. 13:7
- Theivasundram, S. (1987). *Communication and Discourse*. Journal Pulamai Chennai: Dicember, 49-65.
- Umar Junus. (1989). *Stilistik satu pengantar* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Van Dijk, T. A. (1977). *Text AndContext: Explorations In The Semantics And Pragmatics of Discourse*. London: Longman.
- Van Dijk, T. A. (1972). *Some Aspects of Text Grammars*. The Hague: Mouton.
- Vass. (1992). *Methods of Text and Discourse Analysis*, London: Sae Publications.
- Widdowson, H. G. (Ed.). (2007). *Discourse Analysis*. London: Oxford University Press.
- Witte, S., & Faighley, L. (1981). *Coherence, Cohesion And Wrting Quality [Electronic version]*. (College Composition and communication, 3292), 189-204.
- Wong Khek Seng, (1995). *Kesinambungan Topik Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wong, Fook Khoo (1996) *Cohesive devices in English and Malay : an interlingual study via translation* Ph. D thesis, Universiti Malaya.

Yowell Y. Aziz. (1988). *Cohesion in Spoken Arabic Texts* dlm Steiner E. H dan Veltman, R. (ed.) *Pragmatics Discourse and Text some Systematically – inspired Approaches*. London: Printer Publishers.

Yule, George (1986). *The Study of Language*. London: Cambridge University Press.

Zellig S. Harris (1952), *Discourse Analysis*, *Journal Language* Vol. 28, No.1 (Jan. - Mar., 1952), h. 1-30

Zuraidah, Mohd. Don (1996). *Prosody in Malay discourse: an analysis of broadcast interview*. Ph. D thesis, Universiti Malaya.

